

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN HAK MILIK KOMUNAL DI NEGERI SABAH

LINTAN BIN ASAAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Nama Penulis : **LINTAN BIN ASAAT**
 Tarikh Lahir : **24 FEBRUARI 1991**
 Judul : **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN HAK MILIK KOMUNAL DI NEGERI SABAH**
 Sesi Akademik : **2017/2018**

Saya mengesahkan tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- | | | |
|-------------------------------------|---------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mendangungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)* |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)* |
| <input checked="" type="checkbox"/> | TIDAK TERHAD | Saya bersetuju bahawa tesis saya boleh diterbitkan sebagai tidak terhad (Lengkap) |

Saya mengesahkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia berhak untuk:

- i) Tesis ini adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
- ii) Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
- iii) Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi .

Disahkan Oleh:

TANDATANGAN PENULIS

910224-12-5201

(NO KP/NO PASSPORT)

TANDATANGAN PENYELIA

SR DR TAN LIAT CHOON

NAMA PENYELIA

CATATAN: * Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

“Saya akui telah membaca karya ini dan pada pandangan saya,
karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)”

Tandatangan :

Nama Penyelia : **SR DR TAN LIAT CHOON**

Tarikh : **10 JUN 2018**

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN HAK MILIK KOMUNAL DI NEGERI
SABAH

LINTAN BIN ASAAT

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2018

Saya akui tesis yang bertajuk “CADANGAN PENAMBAHBAIKAN HAK MILIK KOMUNAL DI NEGERI SABAH” adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan :

Nama Penulis : **LINTAN BIN ASAAT**

Tarikh : **10 JUN 2018**

“Demi Engkau Dan Kerana Engkau Sahaja Ya Allah”

Terima Kasih

Khas buat ayah (Asaat Bin Tambi) dan ibu (Nurijah Binti Ladjabungsu) serta ahli keluarga tercinta di atas didikan, bimbingan dan kasih sayang yang dicurahkan selama ini. Ini amat bermakna dan tidak ternilai untuk saya dalam menempuh perjalanan menuju ke puncak kejayaan dan meneruskan kehidupan ini

Tidak lupa juga, khas buat pensyarah dan kawan-kawan seperjuangan. Segala pertolongan dan bantuan kalian mengeratkan lagi ikatan ukhuwah antara kita.

Semoga Berjaya

PERGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyempurnakan Projek Sarjana Muda ini. Salam sejahtera penulis ucapkan sebagai pembuka bicara. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Sr. Dr. Tan Liat Choon di atas segala bimbingan, dorongan dan nasihat yang telah diberikan sepanjang tempoh penulisan projek sarjana muda ini.

Penghargaan dan jutaan terima kasih di tujukan buat Jabatan Tanah dan Ukur Sabah terutamanya En. Tn Hj Tamalani Bin Hj. Hodjari, Godffery Utong dan Paul Simin, kerana telah banyak menghulur tangan dan membantu memberi maklumat dalam usaha penyelidikan ini. Sehubungan itu, saya mengucapkan kepada Pengarah Ukur dan Tanah Sabah kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk mengumpul data yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan dan tidak lupa juga kepada pekerja – pekerja di bawah agensi kerajaan di Jabatan Tanah dan Ukur Sabah samada yang terlibat ataupun tidak kerana telah banyak membantu saya dalam menjalankan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga, diucapkan ribuan terima kasih kepada ketua Kampung Johan Jaya, Kampung Murni dan Kampung Pintasan kerana telah memberi saya ruang untuk menemubual mereka serta memberi keizinan untuk saya memberikan borang soal selidik kepada penduduknya.

Kepada ibu bapa dan keluarga yang dikasihi saya ucapkan ribuan terima kasih atas doa, dorongan dan sokongan yang diberikan. Kepada semua kawan-kawan tahun akhir Kejuruteraan Geomatik sesi 2017/2018, selamat menempuh alam pekerjaan dan semoga berjaya dalam kehidupan di masa depan kelak. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pengubalan undang-undang Ordinan Tanah Sabah pada 13 Disember 1930 di zaman pemerintahan British telah memberi kesan terhadap tuntutan NCR (*Native Customary Right*) di negeri Sabah. Pelaksanaan sistem inovasi yang baru untuk Tanah Adat di Sabah telah dijalankan oleh pihak kerajaan bersama Jabatan Tanah dan Ukur Sabah untuk mengatasi masalah ini iaitu pelaksanaan Geran Komunal. Geran Komunal adalah geran *Native Title* yang dikelompokkan yang membentuk satu geran yang besar ataupun geran biasa cuma dikomunkalkan di mana ia melibatkan penyatuan kelompok – kelompok individu anak negeri yang membuka tanah, disatukan dalam bentuk satu geran yang besar iaitu Geran Komunal. Kaedah yang dijalankan untuk kajian ini terbahagi kepada 3 iaitu validasi dan soal selidik adalah digunakan untuk analisis kajian. Sementara itu, praktikal digunakan adalah untuk mengetahui proses prosidur kerja. Setelah menjalankan beberapa kajian melalui soal selidik dan validasi, penambahbaikan Geran Komunal adalah perlu dilakukan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Tanah dan Ukur Sabah serta pelaksanaan Geran Komunal yang dilaksanakan perlu dikekalkan. Kajian ini dijalankan adalah untuk memudahkan dan menyelesaikan isu yang berkaitan Tanah Adat melalui inovasi Geran Komunal yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan kajian ini mungkin dapat digunakan oleh pihak kerajaan iaitu Jabatan Tanah dan Ukur Sabah sebagai rujukan penambahbaikan Geran Komunal. Akhir sekali, Geran Komunal perlu diperbaiki supaya isu-isu yang berkaitan dengan permasalahan Tanah Adat di Sabah akan dapat dikurangkan.

ABSTRACT

The implementation Land Ordinance of Sabah on 13 December 1930 during the British rule had affected the claim of Native Customary Rights (NCR) in Sabah. Implementation of a new innovation system for Native Customary Rights (NCR) in Sabah was undertaken by the government with the Land and Survey Department of Sabah to resolve this problem with the implementation of the Communal Grant. Communal Grant is Native Title grant that forms a major grant or ordinary grant only communally where it involves the amalgamation groups of individual indigenous that open land, consolidated in the form of a large grant of Communal Grant. The method used for this study was divided into 3 that is validation and questionnaire were used for the analysis of the study. Meanwhile, practical use is to know the process of work procedure. After conducting several surveys through questionnaires and validation, the improvement of the Communal Grant is required by the government through the Land and Survey Department of Sabah and the implementation of the Communal Grants Committee is to be maintained. The study was conducted to facilitate and resolve issues related to Native Customary Rights through the innovation of Communal Grants that have been implemented by the government and this study may be used by the Land and Survey Department of Sabah as a reference for the improvement of the Communal Grant. Finally, grants need to be improvement so that the problems related with to Native Customary Right in Sabah will be reduced.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	6
	1.4 Skop Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	7
	1.6 Kajian Terdahulu	7
2	KAJIAN TERATUR	8

2.1	Pengenalan	8
2.2	Maksud Tanah	9
2.2.1	Jenis – jenis Tanah di Sabah	9
2.2.2	Jenis – jenis Kepentingan Geran Tanah di Sabah	13
2.3	Hak Tanah Adat	18
2.4	Hakmilik Komunal	20
2.4.1	Geran Komunal	20
2.4.2	Dasar Pengeluaran Geran Komunal	21
2.4.3	Taburan Geran Komunal	22
2.5	Kesimpulan	22
3	METODOLOGI KAJIAN	23
3.1	Pengenalan	23
3.2	Carta Alir Metodologi Kajian	24
3.3	Pengumpulan Data	25
3.3.1	Jabatan Tanah dan Ukur Sabah	25
3.3.2	Hakmilik Komunal	27
3.3.2.1	PPTPG	28
3.4	Responden Kajian	29
3.5	Instrumen Kajian	30
3.6	Prosedur Ringkas Kajian	33
3.7	Kebolehpercayaan Soal Selidik	34
3.8	Analisis Data	35
3.9	Kesimpulan	36
4	KEPUTUSAN DAN ANALISIS KAJIAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Latar Belakang Responden	38
4.2.1	Jantina	39
4.2.2	Firma	40
4.2.3	Kaum	40
4.2.4	Daerah	42

4.2.5	Pekerjaan	42
4.2.6	Pendidikan	43
4.2.7	Agensi Responden Berurusan	45
4.3	Persoalan Kajian	46
4.3.1	Daerah yang Menerima Geran Komunal	46
4.3.2	Kaum yang Menerima Geran Komunal	48
4.3.3	Taraf Pendidikan Responden yang Menerima Geran Komunal	49
4.3.4	Pemahaman Responden Mengenai Geran Komunal Mengikut Jantina	53
4.3.5	Faktor Penentangan Geran Komunal	55
4.3.6	Penerangan Geran Komunal oleh Kerajaan kepada Responden	59
4.4	Ujian Realibiliti Soal Selidik menggunakan <i>Alpha Cronbach</i>	62
4.5	Analisis Deskriptif	64
4.6	Kesimpulan	65
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	66
5.1	Pengenalan	66
5.2	Kesimpulan	66
5.3	Cadangan	68
	RUJUKAN	70
	Lampiran A - D	72-119

SENARAI JADUAL

NO JADUAL.	PERKARA	MUKA SURAT
3.1	Jumlah responden mengikut daerah	30
3.2	Kandungan borang soal selidik	31
3.3	Kategori pengkelasan skala likert	32
3.4	Skor Min Skala Likert	32
3.5	Nilai alpha cronbach bagi item dalam kajian rintis	34
3.6	Tahap penilaian peratusan	35
4.1	Statistik taburan latar belakang responden	38
4.2	Peratusan perbezaan jantina	39
4.3	Jenis firma	40
4.4	Perbezaan bilangan kaum yang terlibat	41
4.5	Bilangan responden	42
4.6	Jenis pekerjaan	43
4.7	Pendidikan responden	44
4.8	Agensi responden berurusan	45
4.9	Persetujuan perlaksanaan Geran Komunal bagi 3 daerah di Sabah	47
4.10	<i>Chi – Square Test</i>	48
4.11	Pendidikan responden	50
4.12	<i>Chi – Square Test</i>	51
4.13	Pemahaman Geran Komunal berdasarkan jantina	53
4.14	<i>Chi – Square Test</i>	54

4.15	Faktor utama Geran Komunal ditentang	56
4.16	<i>Chi – Square Test</i>	57
4.17	Keputusan penerangan Geran Komunal oleh pihak kerajaan	59
4.18	<i>Chi – Square Test</i>	60
4.19	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	62
4.20	Nilai – nilai kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> bagi setiap item	63
4.21	Perbezaan nilai – nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item	64

SENARAI RAJAH

NO RAJAH.	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Contoh Geran <i>Native Title</i>	14
2.2	Contoh Geran <i>Field Register</i>	15
2.3	Contoh Geran <i>Country Lease</i>	16
2.4	Contoh Geran <i>Town Lease</i>	17
2.5	Taburan Geran Komunal	22
3.1	Carta alir metodologi kajian	24
3.2	Perbandingan antara pemberimilikan tanah dasar terbuka dan tanah terancang <i>Fast Track</i>	26
3.3	Carta alir kerja pemberimilikan tanah dasar terbuka	28
3.4	Carta alir kerja pemberimilikan tanah terancang <i>Fast Track</i>	29
4.1	Perbezaan peratusan jantina lelaki dan perempuan	39
4.2	Perbezaan bilangan kaum yang terlibat	41
4.3	Perbezaan peratusan jenis – jenis pekerjaan responden yang terlibat	43
4.4	Perbezaan nilai peratusan yang mewakili pendidikan responden	44
4.5	Agensi responden berurusan	46
4.6	Persetujuan pelaksanaan Geran Komunal mengikut bangsa	49

4.7	Pendidikan responden yang menerima Geran Komunal	52
4.8	Pemahaman Geran Komunal mengikut jantina	54
4.9	Perbezaan jantina berdasarkan faktor utama penentangan Geran Komunal	58
4.10	Penerangan Geran Komunal oleh kerajaan kepada responden mengikut daerah	61

SENARAI SINGKATAN

CL	-	<i>Country Lease</i>
FR	-	<i>Field Register</i>
GK	-	Geran Komunal
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
JTUS	-	Jabatan Tanah dan Ukur Sabah
JTU	-	Jabatan Tanah dan Ukur
JPTD	-	Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah
KTN	-	Kanun Tanah Negara
LPS	-	Lesen Pendudukan Sementara
NCR	-	<i>Native Customary Rights</i>
NT	-	<i>Native Title</i>
NGO	-	<i>Non – Governmental Organization</i>
PANTAS	-	Perkhidmatan Berherak Anak Negeri
PT	-	Permohonan Tanah
PPHT	-	Penolong Pemungut Hasil Tanah
PPTPGK	-	Proses Pemberimilikan Tanah untuk Pengeluaran Geran Komunal
PL	-	<i>Provisional Lease</i>
S	-	Setuju
ST	-	Sangat Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	-	Sijil Rendah Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
SUHAKAM	-	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia

TL	-	<i>Town Lease</i>
TP	-	Tidak Pasti
TS	-	Tidak Setuju

LAMPIRAN

- A** Validasi / Pengesahan Pihak JTUS dan Ketua kampung
- B** Borang Soal Selidik
- C** Jenis – Jenis Geran Tanah di Sabah
- D** Contoh Geran Komunal

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Tanah Adat (NCR) ialah tanah hak istimewa yang diberikan kepada anak negeri Sabah yang telah menetap dan mengusahakan tanah kerajaan untuk aktiviti sara hidup selama 3 tahun berturut-turut dan tertakluk kepada seksyen 5, 6, 13-16, 65, dan 88. Pada zaman dahulu, pendudukan tanah oleh masyarakat Sabah pada ketika itu adalah sesuka hati di mana masyarakat di negeri Sabah menganggap tanah adat tidak bergantung kepada mana – mana undang-undang bertulis tetapi berdasarkan amalan orang terdahulu yang diamalkan oleh nenek moyang mereka lagi. Untuk menetapkan tanah itu adalah sebagai Tanah Adat, 3 syarat ini mestilah terkandung ataupun wujud di setiap penempatan oleh penduduk Sabah, iaitu syarat yang pertama, orang yang menuntut mestilah Orang Asal dan penduduk pribumi Sabah; syarat kedua, tanah yang dituntut itu bukan tanah yang bergeran atau tanah rezab untuk kegunaan awam dan tanah itu mestilah tanah kosong.

Sebelum kedatangan British, tanah-tanah ini telah lama didiami oleh penduduk asal bumiputera Sabah pada ketika itu dan kebanyakan penempatan tanah di Sabah telah diduduki berabad-abad lamanya. Dalam Ordinan Tanah Sabah 68 seksyen 15 termaktub bahawa untuk memiliki tanah itu sebagai Tanah Adat, tanah mestilah diusahakan oleh Orang Asal dan sekurang-kurangnya terdapat 50 pokok yang telah ditanam di atas tanah dan jenis tanaman adalah tidak ditetapkan. Tanaman itu hendaklah berusia sekurang-kurangnya 3 tahun dan terdapat rumah didirikan di tanah tersebut.

Pada tahun 2012 sehingga 2016 Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah memperolehi peruntukan sebanyak RM77,593,600 untuk merealisasikan pengukuran di bawah program Pengukuran Hak Tanah mengikut Adat Anak Negeri sehinggalah kepada proses pengeluaran Hak Milik Tanah Adat di Negeri Sabah. Sehingga kini, sebanyak 70 geran komunal yang telah dikeluarkan dengan keluasan keseluruhan 116,620.85 ekar yang melibatkan 10,260 orang daripada 212 buah kampung di 12 buah daerah iaitu Nabawan, Keningau, Sipitang, Kota Marudu, Papar, Ranau, Beluran, Tongod, Kinabatangan, Pitas, Tenom dan Semporna. Di samping itu, sebanyak lima lagi kawasan yang telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri dan sedang dalam proses penyediaan geran oleh Jabatan Tanah dan Ukur yang melibatkan daerah Tongod, Beluran dan Kota Belud dengan jumlah keluasan 3,696 ekar melibatkan 412 orang. Sementara itu, sebanyak 14 kawasan lagi dengan jumlah keluasan 27,784.39 ekar yang melibatkan 3,079 orang, sedang dalam proses kelulusan Kerajaan Negeri (Martin Ansiung, 2017).

Kerajaan telah merealisasikan atau memperkenalkan konsep Geran Komunal mengikut undang-undang yang telah digunapakai oleh pihak kerajaan. Sebenarnya, Geran Komunal adalah geran yang lebih kurang sama dengan geran Tanah Adat, cuma Geran Komunal mewakili geran yang besar di mana pemiliknya bukan hanya tertumpu kepada seorang pemilik tetapi mewakili banyak pemilik di dalam satu geran dan geran komunal adalah lebih besar kerana permohonan tanah dibuat adalah secara berkelompok. Tujuan sebenar geran komunal dikeluarkan adalah untuk memberikan penduduk yang belum mempunyai tanah sendiri boleh memiliki tanah sendiri dan memudahkan kepada penduduk untuk mengusahakan tanah tersebut untuk tujuan

ekonomi, meningkatkan taraf hidup dan yang pasti sebagai sumber kehidupan harian dalam pencarian rezeki.

1.2 Penyataan Masalah

Pengubalan undang-undang Ordinan Tanah Sabah pada 13 Disember 1930 di zaman pemerintahan British telah memberi kesan terhadap tuntutan NCR (*Native Customary Right*) di negeri Sabah. Sebelum tahun 1930 pendudukan tanah oleh seorang Anak Negeri adalah secara bebas tanpa adanya sekatan undang-undang. Walau bagaimanapun, selepas penubuhan Ordinan Tanah Sabah pada 13 Disember 1930 oleh British telah memberi kesan yang ketara terhadap tuntutan hak Tanah Adat di negeri Sabah. Pendudukan tanah kerajaan oleh seorang anak negeri adalah tertakluk kepada Seksyen 5, Seksyen 6(1),13-16, Seksyen 65 dan Seksyen 88 Ordinan Tanah Sabah di mana pendudukan tersebut perlu ditentu-sahkan secara sah atau tidak sah terlebih dahulu. Jika pendudukan adalah sah dan memenuhi kriteria Seksyen 15 Ordinan Tanah Sabah, maka pendudukan tersebut akan di pertimbangkan dan diiktiraf sebagai pendudukan NCR dan hak milik tanah boleh dianugerahkan. Sejak pengubalan undang-undang tanah tersebut, kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah mengguna pakai perundangan tersebut sebagai asas untuk memutuskan sebarang tuntutan hak Tanah Adat di negeri Sabah.

Sejak pada tahun 1997-2012, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah menerima sebanyak 615 kes yang berkaitan dengan isu tuntutan pengambilan Tanah Adat di negeri Sabah yang melibatkan 1, 164 penduduk di seluruh Sabah dan daripada jumlah itu, sebanyak 207 kes yang telah diiktiraf permohonan sebagai pendudukan Tanah Adat, 70 kes lagi telah ditolak dan 338 kes masih dalam siasatan (Laporan Inovasi Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, 2012). Sehubungan itu, untuk mempercepatkan siasatan terhadap kes-kes yang belum selesai pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah menggunakan khidmat Unit Perkhidmatan Bergerak Anak Negeri ataupun lebih dikenali sebagai Unit PANTAS (Jainudin Nasir, 2016).

Kehadiran PANTAS adalah bertujuan untuk membantu, mempercepat dan memudahkan serta mengatasi masalah-masalah yang berkaitan Tanah Adat secara teratur mengikut undang-undang Ordinan Tanah Sabah 68.

Terdapat tanah-tanah adat di Sabah yang telah diwartakan sebagai hutan simpan untuk aktiviti pembalakan dan pelaksanaan projek pembangunan seperti pembinaan hospital, sekolah dan sebagainya. Ada juga syarikat swasta yang memohon tanah-tanah adat ini bagi tujuan pembukaan projek pertanian secara besar-besaran. Terdapat kes-kes pewartaan dan pengambilan tanah adat tersebut berlaku di luar pengetahuan orang asal yang sudah lama menduduki dan mengusahakan tanah tersebut. Apabila mengetahui bahawa tanah adat telah dirampas dan mereka diiktiraf sebagai menduduki tanah adat mereka secara haram kerana tanah tersebut bukan milik mereka secara sah. Kes-kes seperti ini yang telah banyak menimbulkan isu dan kemarahan penduduk tempatan terhadap agensi yang terlibat (Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah, 2014). Kebanyakan tanah adat di Sabah telah diambil oleh pihak kerajaan untuk tujuan hutan simpan selepas pewartaan Enakmen Hutan 1968 dan semua tanah yang diwartakan sebagai hutan simpan tidak boleh didiami dan diusik oleh mana-mana pihak. Ini bermaksud tanah tersebut bukanlah milik mana-mana individu tetapi rakyat masih boleh menuntut tanah tersebut kerana kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kepentingan dan hak asasi orang asal.

Walau bagaimanapun terdapat pandangan yang menyatakan bahawa orang asal yang tidak mempunyai geran tidak akan diiktiraf kerana mereka tiada dokumen jelas untuk membuktikan bahawa mereka adalah pemilik tanah yang sah, manakala pihak kerajaan mempunyai hak terhadap tanah tersebut selepas sahaja pewartaan. Oleh itu, di sinilah timbulnya konflik di antara orang asal dan pihak kerajaan kerana tiada kajian terperinci dilakukan sebelum pewartaan, di mana orang asal tidak diberitahu tanah adat mereka akan dijadikan hutan simpan. Apabila pewartaan berlaku, maka banyakkah syarikat pembalakan yang diberikan lesen untuk menebang pokok di kawasan hutan simpan, dalam masa yang sama orang asal terkejut kerana berlaku pencerobohan ke atas tanah mereka, walhal kalau dalam undang-undang orang asal berada di pihak salah kerana menurut undang-undang yang terkandung dalam Enakmen Hutan 1968, orang yang tinggal dan bercucuk-tanam di dalam hutan simpan adalah bersalah.

Walau bagaimanapun, menurut Seksyen 15 Ordinan Tanah Sabah Bab 68, terdapat tujuh (7) kriteria Tanah Hak Adat Anak Negeri (NCR) yang perlu ada untuk setiap pemilikan sesuatu tanah tersebut menjadi milik yang sah oleh tuan tanah dan Tanah Hak Adat Anak Negeri (NCR) juga merupakan hak pemilikan berkekalan atau secara turun temurun sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 65 dan Seksyen 66 dalam Ordinan Tanah Sabah Bab 68.

Selain itu, peningkatan permohonan Tanah Adat oleh penduduk - penduduk di Sabah meningkat secara mendadak dan menyebabkan kesukaran oleh ahli Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah untuk memproses permohonan tersebut sehinggalah berlaku kes-kes seperti penolakan permohonan, penyiasatan, dan ada juga yang telah diproses permohonannya tetapi tidak banyak dan lambat di proses. Disebabkan kejadian seperti ini, telah menyebabkan pemilik tanah yang duduk dan menetap lama serta mengusahakan tanah di tanah tersebut belum bergeran terhadap Tanah Adat. Pemilik tanah merasa marah, tidak berpuas hati dan kurang selesa terhadap sistem yang telah dijalankan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah terhadap permohonan tanah yang mereka buat.

Di samping itu, penduduk juga kurang merasa senang dengan pelaksanaan geran Komunal pada baru-baru ini. Sebenarnya pengeluaran geran Komunal di keluarkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur adalah bertujuan untuk memudahkan, mempercepatkan dan menyelesaikan isu yang berkaitan dengan Tanah Adat. Pada mulanya geran Komunal dikeluarkan telah banyak mendapat sokongan dari penduduk tempatan di Sabah kerana sistem Komunal yang dilaksanakan adalah untuk mempermudah penyelesaian dalam permasalahan isu Tanah Adat tetapi pada baru-baru ini timbul pula isu yang mengatakan pengeluaran geran Komunal adalah bertentangan dengan apa yang di kehendaki oleh penuntut Tanah Adat di Sabah di mana syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan seperti melanggar maksud Tanah Adat yang termaktub pada Ordinan Tanah Sabah 68 di bawah seksyen 76.

Oleh itu, untuk menangani masalah isu yang berkaitan dengan Tanah Adat di Sabah, pelaksanaan hak milik Komunal mungkin dapat menyelesaikan permasalahan ini melalui penyediaan geran komunal yang merupakan salah satu langkah proaktif untuk menangani masalah isu-isu yang berkaitan dengan pemilikan tanah dan

mempercepatkan proses permohonan tanah terutamanya yang melibatkan Tanah Adat di Sabah. Selain itu, geran Komunal juga mestilah di perbaiki oleh pihak kerajaan agar permasalahan isu yang berkaitan dengan geran Komunal dapat diselesaikan.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif dalam kajian ini, iaitu :

- i. Menyiasat dan menganalisis geran Komunal yang berkaitan dengan isu pemilikan tanah *NCR*
- ii. Cadangan penambahbaikan geran Komunal untuk pemilikan tanah *NCR*

1.4 Skop Kajian

Skop kerja untuk kajian ini adalah lebih tertumpu kepada isu pemilikan tanah melalui geran Komunal dan mengkaji proses permohonan terhadap geran Komunal yang melibatkan penduduk di Sabah. Data boleh diperolehi menggunakan kaedah penyiasatan, persoalan, dan merekod. Selain itu, segala maklumat yang diperolehi akan dianalisis melalui soal selidik dan menjalankan validasi kepada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah serta pihak-pihak yang terlibat.

1.5 Kepentingan Kajian

Pengeluaran geran Komunal sebenarnya adalah untuk memudahkan dan menyelesaikan isu yang berkaitan dengan tanah adat tetapi jika di lihat pada dasarnya, sebenarnya geran Komunal adalah bercanggah dengan proaktif yang telah dikemukakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah mengenai geran Komunal. Tujuan projek ini dibuat adalah untuk memberi cadangan penambahbaikan tentang geran Komunal supaya dapat memberi penyelesaian yang berkaitan dengan masalah pemilik tanah dan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. Selain itu, kajian ini juga mungkin akan dapat digunakan oleh pihak kerajaan iaitu Jabatan Tanah dan Ukur Sabah sebagai rujukan untuk penambahbaikan geran Komunal.

1.6 Kajian Terdahulu

Perlaksanaan Geran Komunal sebenarnya adalah melalui undang – undang Ordinan Tanah Sabah (Godffery, temubual secara individu, 5 Februari, 2018). Sebenarnya pihak – pihak atasan dari Jabatan Tanah dan Ukur Sabah yang telah mencurahkan idea dalam melaksanakan Geran Komunal dengan merujuk kepada undang – undang Ordinan Tanah Sabah. Selain itu, tahun 2010 adalah merupakan tahun pertama yang melibatkan pelaksanaan Geran Komunal berdasarkan kepada undang – undang Ordinan Tanah Sabah melalui seksyen 76 (Hj. Tamalani, temubual secara individu, 15 Februari, 2018)

Geran Komunal kemungkinan akan memerlukan penambahbaikan melalui pindaan- pindaan yang akan dilaksanakan jika Geran Komunal tidak lagi mendapat persetujuan penduduk di Sabah dan kemungkinan pindaan yang telah dilaksanakan mengenai Geran Komunal sebelum ini akan diperbaharui untuk meyakinkan penduduk di Sabah supaya dapat menerima Geran Komunal.

BAB 2

KAJIAN TERATUR

2.1 Pengenalan

Perlaksanaan Geran Komunal bagi *Native Customary Rights* yang dilaksanakan pada pertengahan tahun 2010 adalah langkah proaktif untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemilikan Tanah Adat serta mengelakkan kemiskinan terhadap penduduk Bumiputera Sabah. Oleh itu, dalam bab ini akan menghuraikan secara terperinci mengenai jenis-jenis tanah di Sabah berserta dengan Geran Tanah, *Native Customary Rights* dan Geran Komunal.

2.2 Maksud tanah

Tanah adalah salah satu sumber keperluan yang penting bagi semua kehidupan yang ada di seluruh muka bumi dan merupakan peranan yang penting dalam mendukung kehidupan seperti tumbuhan, kehidupan manusia dan haiwan. Sehubungan itu, bagi maksud tanah dalam undang-undang KTN (Kanun Tanah Negara, 1965) ditakrifkan seperti berikut :-

- i. Mukabumi dan semua benda yang menjadi mukabumi;
- ii. Tanah yang di bawah mukabumi dan semua benda yang terkandung di dalamnya;
- iii. Semua tumbuh-tumbuhan, sama ada semulajadi atau ditanam, sama ada di atas atau di bawah mukabumi;
- iv. Semua benda yang terlekat pada mukabumi, atau yang dilekatkan secara kekal pada apa-apa benda yang terlekat pada mukabumi, sama ada di atas atau di bawah mukabumi; dan
- v. Tanah yang dilitupi oleh air.

2.2.1 Jenis-Jenis Tanah di Sabah

Secara amnya tanah di Sabah terbahagi kepada 6 iaitu :-

- a) Tanah Kerajaan.
- b) Tanah Rezab
- c) Tanah Berasingan untuk tanah bandar
- d) Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
- e) *Native Customary Rights*
- f) *Land Under Customary Tenure*

a) Tanah Kerajaan

Sebenarnya Tanah Kerajaan di Sabah adalah terbahagi kepada dua iaitu :-

- i. Tanah Bandar
- ii. Tanah Luar Bandar

i. Tanah Bandar

Menteri boleh mengisytiharkan mana-mana tanah dalam had tertentu untuk menjadi tanah bandar. Selepas tarikh perisytiharan sedemikian tidak ada lagi tanah dalam had yang ditentukan boleh dibahagikan, kecuali di bawah seksyen 18, selain daripada mengikut Bahagian III. (seksyen 8, Ordinan Tanah Sabah Bab 68)

ii. Tanah Negeri

Tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khas oleh Menteri bahawa premium, sewa dan lain-lain syarat di mana pajakan boleh diberikan di bawah Bahagian ini tertakluk kepada kelulusan Pengarah. (seksyen 50, Ordinan Tanah Sabah Bab 68)

b) Tanah Rezab

Untuk memahami mengenai Tanah Rezab dengan lebih mendalam boleh rujuk (Ordinan Tanah Sabah seksyen 28). Antara jenis-jenis tanah yang direzebakkan adalah :- (Proses Pengambilan Tanah di Sabah, 2012)

- i. *Kampung Reserve*
- ii. *Riparian Reserve*
- iii. *Foreshore Reserve*
- iv. *Forest Reserve*
- v. *Sabah Parks*
- vi. *National Parks*
- vii. *Marine Parks*
- viii. *Wildlife Conservation Area*
- ix. *Water Catchment Area*
- x. *Native Reserve* (seksyen 78, Ordinan Tanah Sabah)

c) Tanah Berasingan (seksyen 9, Ordinan Tanah Sabah)

- i. Tertakluk kepada apa-apa arahan umum atau unit khas Kabinet. Pengarah boleh mengasingkan tanah Kerajaan atas apa-apa syarat atau mengikut apa-apa cara yang diberi kuasa oleh Ordinan Tanah Sabah dan juga boleh mengenakan syarat-syarat khas berkenaan dengannya yang dinyatakan dalam pengeluaran hakmilik.
- ii. Syarat-Syarat Tanah Berhakmilik diberimilik (seksyen 10, Ordinan Tanah Sabah)

Tanah Bandar boleh diberimilik hanya kepada :-

- individu atau perseorangan : Dengan syarat mestilah orang dewasa dan ada penjaga
- syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan yang didaftarkan atau dikecualikan secara khusus daripada pendaftaran di bawah mana-mana undang-undang bertulis : Dengan syarat bahawa ia tidak dilarang oleh perlembagaannya daripada memegang tanah;

- Mana-mana orang atau badan lain yang diberi kuasa oleh Menteri dengan peraturan untuk memegang tanah di Sabah.

d) Lesen Pendudukan Sementara (seksyen 18, Ordinan Tanah Sabah)

- Pemungut boleh mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara dalam bentuk Jadual IV bagi penggunaan mana-mana tanah Negeri untuk tujuan sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu. Mana-mana Lesen Pendudukan Sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen ini tidak boleh dipindahmilik dan tertakluk kepada pembayaran apa-apa bayaran dan apa-apa syarat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemungut atas lesen itu.
- Tiada Lesen Pendudukan Sementara akan dikeluarkan untuk tempoh yang lebih daripada tiga tahun :

Dengan syarat bahawa Pemungut itu boleh membaharui lesen itu dari semasa ke semasa untuk apa-apa tempoh dengan syarat bahawa tiada lesen boleh dilanjutkan supaya tempoh berturut-turut lesen itu, termasuk apa-apa pembaharuan, melangkaui tiga tahun melainkan jika Pengarah dengan menulis di bawah tangannya bersetuju pelanjutan sedemikian.

e) *Native Customary Rights*

Merupakan Tanah Adat yang dipegang oleh seseorang ataupun individu pemilik tanah yang mewakili keturunan turun temurun semenjak dari nenek moyang sehinggalah kepada keturunan generasi baru. Sebelum pemerintahan barat, pemilikan tanah adat di Sabah sangat mudah kerana penduduk cuma perlu tinggal dan menetap lama, penduduk tersebut akan dikira sebagai pemilik tanah. Tetapi selepas pemerintahan barat di Sabah, pemilikan tanah telah berubah di mana untuk memiliki sebidang tanah ia perlulah merujuk dan mengikut peraturan undang – undang yang telah di laksanakan oleh British semasa pemerintahannya di Sabah.

f) Land Under Customary Tenure (seksyen 65, Ordinan Tanah Sabah)

"Tempoh pegangan adat" bermaksud pemilikan tanah yang sah oleh orang bumiputera sama ada dengan pekerjaan yang berterusan atau penanaman selama tiga tahun atau lebih berturut-turut atau di bawah Ordinan Cukai Pendapatan [Cap. 102.], atau Bahagian IV Ordinan Tanah, 1913 [N.B. Ord. No. 3 tahun 1913].

2.2.2 Jenis-Jenis kepentingan Geran Tanah di Sabah

Geran adalah hakmilik individu atau geran individu tanah yang berdaftar atas nama pemilikan individu yang membeli tanah tersebut bagi mendirikan rumah dan mengusahakan tanah tersebut untuk tujuan perniagaan seperti penanaman dan sebagainya. Berikut adalah jenis-jenis Geran Tanah di Sabah yang tertakluk kepada (Ordinan Tanah Sabah, 1968) dan geran – geran ini juga boleh dirujuk pada lampiran C di muka surat 84 – 112:-

- a) *Native Title* (NT)
- b) *Field Register* (FR)
- c) *Town Lease* (TL)
- d) *Country Lease* (CL)
- e) *Provisional Lease* (PL)


a) *Native Title* (seksyen 67)

- i. Daftar *Native Title* hendaklah disimpan di setiap daerah dalam bentuk Jadual 10.
- ii. Hakmilik tanah yang dipegang pada suatu tempoh masa tertentu :-

Mana-mana orang bumiputera yang memegang tanahnya di bawah tempoh adat tanpa dokumen hakmilik, perlu arahan bertulis dari Pemungut untuk mengambil pendaftaran hakmilik dan membayar yuran yang ditetapkan untuk hakmilik itu.

iii. Ekstrak dari Pendaftaran :-

Salinan yang diperakui dalam pendaftaran *Native Title* yang dikeluarkan kepada pemilik dan hendaklah ditandatangani oleh Pemungut dan perlulah menandakan pelan tanah itu dimana ia dirujuk.



Rajah 2.1 : Contoh Geran *Native Title*, 2017


(Sumber : <https://www.google.com/search?=Native+title+sabah.html>)

b) *Field Register* (seksyen 68)

- i. Jika penandaan segera keatas mana-mana tanah dijalankan, Pemungut hendaklah diberi kuasa melalui Field Register dalam bentuk Jadual XI di mana penggunaan dan penetapan tanah itu tertakluk kepada syarat-syarat

yang menyertakan hakmilik melalui pendaftaran *Native Title*, dan Salinan boleh dikeluarkan kepada pemilik dalam bentuk *Field Register*.

- ii. Hendaklah menyatakan sejauh mana dan menerangkan secara terperinci keadaan tanah yang berkaitan, selepas penandaan tanah yang diduduki itu, ia akan dibatalkan dan kemasukan pendaftaran *Native Title* adalah sebagai gantinya.



Rajah 2.2 : Contoh Geran *Field Register*, 2017


(Sumber :

<https://www.google.com/search?q=field+register+title+sabah&source.html>)

c) *Country Least* (seksyen 48)

Tertakluk kepada apa-apa pengecualian khas yang dibuat oleh Menteri dalam hal-hal tertentu, setiap pajakan di bawah bahagian ini hendaklah dibuat secara jelas

dalam bentuk Jadual VIII, dan tempoh masa pajakan hendaklah tidak melebihi sembilan puluh sembilan tahun.




Rajah 2.3 : Contoh Geran *Country Lease* ,2017

(Sumber :

<https://www.google.com/search?biw=country+lease+sabah&oq=country+lease+sabah&gs.html>)

d) *Town Lease* (seksyen 57)

Tertakluk kepada apa-apa pengecualian khas yang dibuat oleh Menteri dalam bentuk atau tempoh mana-mana pajakan tertentu, tiap-tiap hakmilik Tanah Bandar yang diasingkan di bawah bahagian ini adalah Pajakan Bandar secara jelas dalam bentuk Jadual VIII dan tempoh masa hendaklah tidak melebihi sembilan puluh sembilan tahun.



Rajah 2.4 : Contoh Geran *Town Lease*, 2017

(Sumber : <https://www.google.com/search?biw=Town+lease+sabah&oq.html>)

e) *Provisional Lease* (seksyen 49)

- i. Sekiranya kajian yang cepat untuk mana-mana tanah tidak digunakan, Pemungut boleh memberikan kuasa penggunaan dan mengusahakan tanah itu dan kemudiannya mengeluarkan Pajak Sementara dalam bentuk Jadual IX, tertakluk kepada mana-mana syarat pajakan yang selalu dikeluarkan
- ii. Dokumen juga hendaklah diterangkan dengan jelas mengenai keadaan-keadaan tanah yang berkaitan, dan selepas pengukuran tanah dibuat, dan suatu pajakan yang dikeluarkan adalah sebagai ganti untuk pembatalan dokumen tersebut.

2.3 Tanah Adat (*Native Customary Rights*)

Antara seksyen-seksyen yang berkaitan Tanah Adat Bumiputera (*Native Customary Rights*) yang terkandung dalam Ordinan Tanah Sabah Bab 68 adalah Seperti berikut :-

- a) Persoalan yang berhubung dengan Tanah Asli atau Tanah Adat Bumiputera (seksyen 13)
- b) Pemungut untuk membuat tuntutan (seksyen 14)
- c) Maksud Tanah Adat (seksyen 15)
- d) Prosidur untuk pendudukan Tanah Adat (seksyen 16)

- a) Persoalan yang berhubung dengan Tanah Asli atau Tanah Adat Bumiputera (seksyen13)

Apabila menerima mana-mana permohonan untuk Tanah Adat yang tidak di iktiraf. Tanah negeri adalah menjadi tanggungjawab Pemungut untuk menerbitkan suatu notis yang ditakrifkan sebagai mana-mana pihak menuntut hak Tanah Adat di tanah itu yang belum memiliki hakmilik dokumen berdaftar untuk membuat atau menghantar suatu pernyataan tuntutannya dalam suatu tarikh yang disertakan dalam notis itu. Sekiranya tiada tuntutan dibuat, tanah itu akan dianggap seolah-olah tiada hak tuntutan terhadap tanah tersebut.

b) Pemungut untuk membuat tuntutan (seksyen 14)

Tuntutan terhadap sesuatu Tanah Adat hendaklah diambil secara bertulis oleh ketua ataupun melalui pemungut dan perlu ditentukan ataupun diputuskan oleh pemungut.

c) Maksud Tanah Adat (*Native Customary Rights*) (seksyen 15)

Terdapat 7 kriteria yang perlu ada supaya ia di iktiraf adalah sebagai Tanah Adat mengikut Ordinan Tanah Sabah Bab 68 :-

- i. Perolehan tanah menurut pegangan adat / kaum.
- ii. Tanah yang ditanami dengan pokok buah-buahan, di mana jumlah pokok adalah di antara 50 atau lebih pada setiap hektar;
- iii. Pengasingan pokok buah-buahan, sagu, rotan atau lain-lain tanaman yang mempunyai nilai komersial yang mana dapat dibuktikan oleh penuntut kepada Pemungut (PPHT) tanpa keraguan;
- iv. Tanah perladangan / ternakan;
- v. Tanah yang telah dimajukan atau diusahakan dalam masa tiga tahun berturut-turut;
- vi. Tanah perkuburan atau tempat keramat;
- vii. Jalan masuk biasa bagi orang dan binatang.

d) Prosedur untuk pendudukan Tanah Adat (seksyen 16)

Asas penubuhan Tanah Adat Hak Bumiputera telah ditubuhkan berdasarkan daripada seksyen 15 melalui persetujuan bayaran pampasan wang ataupun pemberian tanah terhadap pihak yang menuntut dan untuk kes yang seterusnya pengeluaran sesuatu hakmilik hendaklah dikeluarkan di bawah bahagian iv.

2.4 Hakmilik Komunal

Dalam kes-kes dimana suatu tuntutan tempoh hakmilik komunal untuk Tanah Adat telah ditubuhkan atau telah memohon tuntutan tanah hakmilik untuk Tanah Adat. Hakmilik komunal, telah diuruskan melalui pemberian tanah dan tanah itu dipegang untuk pelbagai kegunaan dan manfaat untuk penduduk pribumi dan tidak diberikan kepada mana-mana individu sebagai harta persendirian, dan hendaklah disahkan oleh Menteri untuk memberi hak kepada hakmilik komunal untuk tanah itu dalam nama Pemungut sebagai pemegang amanah tanpa ada hak untuk menjual ke atas tanah tersebut. Disamping itu, hakmilik komunal Tanah Adat hendaklah dipegang untuk menjadi hakmilik di bawah Bahagian ini, oleh itu Menteri boleh memerintahkannya adalah tertakluk kepada sewa (Ordinan Tanah Sabah bab 68, seksyen 76).

2.4.1 Geran Komunal

Konsep Geran Komunal adalah sama dengan Geran hak Tanah Adat negeri dan termaktub dalam undang-undang. Geran Komunal adalah lebih besar dari Geran hak Anak negeri kerana permohonan tanah untuk Geran Komunal adalah dibuat secara berkelompok bukannya secara individu. Pelaksanaan Geran Komunal juga dirancang dengan teliti mengikut prosidur undang-undang dan sesiapa yang didapati

menceroboh kawasan berkenaan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Jika hendak melihat Contoh geran Komunal, boleh merujuk di muka surat 113 – 119.

2.4.2 Dasar Pengeluaran Geran Komunal (Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah, 2017)

- a) YAB, Ketua Menteri boleh memberi persetujuan ke atas mana-mana tanah kerajaan yang telah dirancang dan dicadangkan untuk pengeluaran Geran Komunal di bawah pindaan seksyen 76 Ordinan Tanah Sabah.
- b) Pemungut Hasil Tanah adalah pemegang amanah terhadap Geran Komunal.
- c) Geran Komunal adalah merupakan syarat Khas kepada Geran NT/FR. Hanya Anak Negeri Sabah yang ditakrifkan di bawah Ordinan Interpretasi Anak Negeri Bab 64 yang boleh menjadi benefisiari kepada Geran Komunal.
- d) Nama setiap benefisiari tercatat dalam Geran Komunal.
- e) Premium dan sewa tanah tidak dikenakan terhadap Geran Komunal.
- f) Penambahan, penggantian dan penyingkiran benefisiari hanya boleh dilakukan melalui penyiasatan terperinci oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah daerah berkenaan dan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Tanah dan Ukur.
- g) Geran Komunal boleh dibangunkan secara usahasama dengan agensi kerajaan atau swasta tertakluk kepada kelulusan Pengarah Tanah dan Ukur dan persetujuan YAB, Ketua Menteri.
- h) Geran Komunal tidak boleh dipindahmilik atau dicagar.
- i) Geran Komunal boleh dipecah bahagi tertakluk kepada kelulusan Pengarah Tanah dan Ukur.

2.4.3 Taburan Geran Komunal

Pada tahun 2017, Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah telah mengeluarkan taburan geran Komunal di seluruh daerah Sabah. Maklumat-maklumat daerah yang berkaitan dengan pengeluaran geran komunal boleh rujuk pada rajah di bawah.

<p>KENINGAU</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Sook Plain (10,271 ekar, 1,010 peserta*) ■ Mandalom (21,102 ekar, 1,884 peserta*) <p>TENOM</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Mangkalias (4,447 ekar, 437 peserta) ■ Pengulobon I (2,223 ekar, 116 peserta) ■ Pengulobon II (470 ekar, 41 peserta) ■ Kabintaluan (6,313 ekar, 601 orang) <p>SIPITANG</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Melamad/Mendolong (1,817 ekar, 398 peserta) <p>NABAWAN/ PENSIANGAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Sepulut 4 (6,000 ekar, 235 peserta) ■ Sumantaiun (3,000 ekar, 264 peserta) <p>RANAU</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Mangkapoh (800 ekar, 81 peserta) ■ Mokodou (2,000 ekar, 102 peserta) ■ Tinaum (1,000 ekar, 54 peserta) <p>KOTA MARUDU</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Bombong 1 (2,160 ekar, 150 peserta) ■ Sg Magandai (1,547 ekar, 112 peserta) <p><small>* Tertakuk kepada perubahan</small></p>	<p>LABUK SUGUT (BELURAN)</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Lubang Buaya/ Lakang (1,530 ekar, 217 peserta) ■ Talidusan (1,200 ekar, 78 peserta) <p>TONGOD</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Lalampas (9,120 ekar, 1022 peserta) ■ Etlibon (1,584 ekar, 107 peserta) ■ Mangkawago (761 ekar, 86 peserta) ■ Punitawoi (1,994 ekar, 169 peserta) ■ Kawayoi / Inarad (6,000 ekar, 417 peserta) <p>TAMBUNAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Widu (4,000 ekar, 186 peserta) <p>KINABATANGAN (Pentadbiran) / LAHAD DATU (Tanah)</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Tambisan Darat (1,100 ekar, 392 peserta) ■ Sg. Nipah (824 ekar, 48 peserta) ■ Pamanhutan (545 ekar, 89 peserta) <p>PITAS</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Karibongan (2,614 ekar, 295 peserta) ■ Telaga (945 ekar, 374 peserta)
---	---

Rajah 2.5 : Taburan Geran Komunal di Sabah (Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah, 2017)

2.5 Kesimpulan

Kajian teratur merupakan kajian yang terpenting di dalam kajian ini bagi menerangkan asas pemahaman mengenai kajian yang dibuat antaranya seperti apa yang di maksudkan dengan Geran Komunal, apa maksud Tanah, kategori Tanah di sabah dan lain – lain lagi. Oleh itu, memahami kajian yang teratur akan dapat memudahkan pembaca untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai kajian yang dibuat.


BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodolgi kajian adalah merupakan salah satu elemen yang penting di dalam kajian ini, di mana ia adalah elemen yang menerangkan mengenai bagaimana cara-cara kajian itu dijalankan daripada mula sehinggalah akhir kajian tersebut. Sehubungan itu, bab ini membincangkan kaedah-kaedah yang akan digunakan bersama dengan perolehan maklumat untuk penyelidikan antaranya prosidur pengumpulan data, prosidur analisis data, dan teknik pengukuran bagi Tanah Geran Komunal.

3.2 Carta Alir Metodologi Kajian



Rajah 3.1 : Carta alir metodologi kajian

Merujuk kepada Rajah 3.1 di atas prosedur kajian dibahagikan kepada 3 fasa iaitu mewakili fasa 1, 2 dan 3. Fasa 1 membincangkan mengenai pernyataan masalah dan kajian literatur manakala untuk fasa 2 membincangkan mengenai pengumpulan data yang diambil melalui Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Geran Komunal yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu praktikal, validasi dan soal selidik. Fasa 3 merangkumi pemprosesan data dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) untuk mendapatkan keputusan dan analisis kajian yang dijalankan dan akhir sekali adalah cadangan dan kesimpulan.

3.3 Pengumpulan data

Struktur untuk perolehan data terbahagi kepada 2 iaitu :-

3.3.1 Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS)


Jabatan Tanah dan Ukur Sabah adalah salah satu sumber yang terpenting bagi penulis kerana data-data yang berkaitan dengan kajian penyelidikan dan perolehan data oleh penulis kebanyakannya merujuk di Jabatan ini. Antara data-data yang akan diperolehi oleh penulis adalah seperti :-

- a) Konsep Geran komunal dan Hakmilik Komunal
- b) Perbandingan proses pengukuran kaedah lama dan baru untuk Hakmilik Komunal

- a) Konsep Geran Komunal dan Hakmilik Komunal

Untuk konsep Geran Komunal dan Hakmilik Komunal anda boleh rujuk pada Kajian literatur di muka surat 20 – 21 untuk memahami dengan lebih lanjut. Di samping itu, Geran Komunal adalah geran *Native Title* yang dikelompokkan yang membentuk satu geran yang besar ataupun geran biasa cuma dikomunalkan di mana ia melibatkan penyatuan kelompok – kelompok individu anak negeri yang membuka tanah, disatukan dalam bentuk satu geran yang besar iaitu Geran Komunal (Hj. Tamalani, temubual secara individu, 14 Februari, 2018)

b) Perbandingan proses pengukuran kaedah lama dan baru untuk Hakmilik Komunal



Rajah 3.2 : Perbandingan antara Pemberimilikan Tanah Dasar Terbuka dan Tanah Terancang Fast Track

3.3.2 Hakmilik Komunal

Struktur pengumpulan data untuk Hakmilik Komunal terbahagi kepada 3 bahagian, di mana validasi dan soal selidik adalah digunakan untuk analisis kajian. Sementara itu, praktikal digunakan untuk mengetahui proses prosidur kerja luar untuk *Native Customary Right* antaranya :-

i. Validasi dan Soal selidik


Soal kaji selidik dan temubual adalah teknik validasi yang digunakan dan diusulkan kepada pihak pemilik tanah. Sila rujuk pada Lampiran A di muka surat 73 – 77 untuk validasi dan Lampiran B di muka surat 78 – 83 untuk melihat contoh borang soal selidik. Soal kaji selidik direka dengan borang untuk bertujuan penilaian samada kaedah pelaksanaan geran komunal yang baru terhadap Hak Tanah Adat diterima ataupun tidak oleh penduduk manakala validasi pula akan tertumpu kepada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan responden di mana penulis akan melaksanakan temu bual bersama pihak yang terlibat di Jabatan Tanah dan Ukur Sabah yang menjurus kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan pelaksanaan geran Komunal beserta dengan isu pemilik tanah yang kurang menerima tentang pelaksanaan geran Komunal tersebut.

ii. Praktikal

Kaedah yang di kenali sebagai *Data Premier* adalah melibatkan dari pemprosesan awal sehingga akhir pemprosesan di mana keputusan yang terakhir akan keluaran geran Komunal. Pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan projek Geran Komunal akan dibincangkan khususnya dalam pemberimilikan Tanah.


3.3.2.1 Proses Pemberimilikan Tanah untuk Pengeluaran Geran Komunal (PPTPGK)

Proses pemberimilikan Tanah untuk pengeluaran Geran Komunal di Sabah adalah terbahagi kepada dua jenis iaitu pemberimilikan Tanah dasar terbuka dan pemberimilikan Tanah terancang *FAST TRACK*. Carta alir di bawah adalah merujuk kepada carta aliran kerja pemberimilikan tanah dasar terbuka dan carta aliran kerja pemberimilikan tanah terancang fast track.



Rajah 3.3 : Carta aliran kerja pemberimilikan tanah dasar terbuka (Laporan Inovasi Jabatan Tanah dan Ukur, 2012)

Carta alir di atas adalah merujuk kepada pemberimilikan Tanah Dasar Terbuka di mana kaedah ini merupakan kaedah pemberimilikan Tanah secara konvensional sebelum pelaksanaan Geran Komunal yang berdasarkan pemberimilikan secara *Fast Track*.



Rajah 3.4 : Carta aliran kerja pemberimilikan tanah terancang *fast track* (Laporan Inovasi Jabatan Tanah dan Ukur, 2012)

Carta alir kerja di atas adalah merujuk kepada pemberimilikan Tanah Terancang Fast Track iaitu merupakan salah satu inovasi dalam mempercepatkan pengeluaran Geran Komunal di mana pemberimilikan Tanah Dasar Terbuka melibatkan proses bertahun – tahun untuk diselesaikan tetapi melalui *Fast Track*, geran Komunal akan dikeluarkan dalam masa 6 bulan sahaja.

3.4 Responden Kajian

Responden kajian adalah berdasarkan kepada Pemilik Tanah di mana ia dihantar dengan menggunakan tangan oleh penulis itu sendiri. Untuk responden, penulis membahagikan kepada 3 daerah iaitu Keningau, Pensiangan dan Kota Belud di mana setiap daerah terbahagi kepada lain – lain kaum seperti Keningau ialah kaum dusun, Pensiangan adalah kaum murut manakala untuk Kota belud adalah iranun dan

bajau. Penulis mengelaskan Pemilik Tanah kepada 3 bahagian adalah bertujuan untuk menganalisis dan mendapatkan keputusan bagi mencapai objektif kajian tersebut manakala untuk penghantaran borang soal selidik ketiga – tiga daerah tersebut dibahagikan sama rata iaitu 30 borang soal selidik untuk setiap satu daerah.

Jadual 3.1 : Jumlah Responden mengikut daerah

<i>Daerah</i>					
		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	Pensiangan	30	33.3	33.3	33.3
	Keningau	30	33.3	33.3	66.7
	Kota Belud	30	33.3	33.3	100.0
	Total	90	100.0	100.0	

Jadual 3.1 di atas menunjukkan jumlah Responden yang telah bekerjasama dalam menjalankan kajian ini

3.5 Instrumen Kajian

Pengumpulan data untuk kajian ini adalah melalui pemberian borang Soal selidik sebagai instrument kajian untuk mendapatkan maklumat yang di kehendaki berhubung dengan keberkesanan Geran Komunal kepada setiap pemilik tanah yang terlibat. Borang Soal selidik tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian yang terdiri daripada bahagian A, B, C, D, E dan F. Rujuk Jadual 3.2 dengan lebih lanjut untuk memahami setiap bahagian – bahagian tersebut.

Jadual 3.2 : Kandungan Borang Soal Selidik

<i>Section</i>	<i>Perkara</i>	<i>No. Item</i>
A	Bahagian ini mewakili maklumat demografi responden yang terdiri daripada Latar belakang responden, Pekerjaan, Taraf pendidikan dan Jantina	1, 2, 3, 4 dan 5
B	Bahagian ini mewakili maklumat umum yang melibatkan kawasan persekitaran dan jarak kawasan projek pemberimilikan Geran Komunal tersebut	6
C	Bahagian ini mewakili penilaian kesan yang melibatkan isu – isu yang selalu dipersoalkan oleh penduduk di Sabah mengenai Geran Komunal	7, 8, 9, 10, 11 dan 12
D	Mewakili permohonan Tanah yang melibatkan siapa pemilik tanah selalu berurusan, pelaksanaan Geran Komunal dan faktor Geran Komunal ditentang	13, 14 dan 15
E	Pemberimilikan tanah Adat melalui Geran Komunal yang melibatkan pemahaman pemelik Tanah mengenai Undang – undang tanah di Sabah	16, 17 dan 18
F	Bahagian ini adalah mewakili Pemilik Tanah yang boleh mengemukakan cadangan berkaitan Geran Komunal	

Soal selidik yang digunakan untuk menjalankan analisis kajian adalah menggunakan kaedah Skala Likert yang mengandungi Lima (5) skor pilihan jawapan seperti di Jadual 3.3 pengkelasan skala. Skala likert merupakan satu skala yang dinyatakan secara berperingkat-peringkat, untuk mengukur kesetujuan dan ketidaksetujuan seseorang terhadap sesuatu bahan ataupun objek (Tatang M.Amirin, 2010). Dalam kajian ini, Persoalan yang melibatkan penggunaan Skala Likert adalah soalan yang terdiri daripada bahagian B dan E manakala bahagian yang lain seperti A, C, D, dan F penulis tidak menggunakan Skala Likert untuk menjalankan Analisis.

Jadual 3.3 : Kategori Pengkelasan skala Likert (Sumber : J. Jiwan, 2016)

Kategori	Skala Likert	Skor
Tidak Setuju (TS)	Sangat Tidak Setuju (STS)	1
	Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	Setuju (S)	4
	Sangat Setuju (ST)	5

Jadual di atas adalah merujuk kepada kategori skala likert yang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu untuk skala 3 likert mata terdiri daripada TS, TP, dan S manakala untuk Skala likert 5 Mata terdiri daripada STS, TS, TP, S dan ST. Penulis menggunakan nilai min untuk menentukan keberkesanan skala likert bagi menganalisis Borang soal selidik tersebut. Oleh itu, untuk bahagian B dan E penulis akan menggunakan nilai min untuk menentukan skor ataupun markah dari yang tertinggi sehingga terendah.

Jadual 3.4 : Skor min Skala Likert 3 Mata (Sumber : Jawatan Kuasa Pembangunan Diri Pelajar UTM, 1999)

Tahap Penilaian	Markah
Rendah/kurang baik	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34-3.66
Tinggi/Baik	3.67-5

Jadual di atas adalah menerangkan mengenai skor min yang terdiri daripada skor teratas sehingga yang terendah sebagai contoh jika analisis dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS penulis akan memperolehi julat nilai min yang tidak

kurang daripada 3.66 bermaksud analisis yang dijalankan terhadap bahagian tersebut adalah tinggi manakala jika memperoleh 2.33 ke bawah maka tahap penilaian adalah rendah. Untuk memahami dengan lebih lanjut boleh rujuk di Jadual 3.4.

3.6 Prosedur Ringkas Kajian

Sebelum kajian ini dijalankan beberapa prosedur yang patut dipatuhi dan digunakan oleh penulis untuk menjalankan kajian ini antaranya :

- 3.6.1 Mendapatkan maklumat melalui internet, akbar, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan sebagainya mengenai Geran Komunal untuk tujuan melaksanakan soalan – soalan penulisan soal selidik.
- 3.6.2 Menyiapkan Borang soal selidik.
- 3.6.3 Meminta penyelia untuk menyemak borang soal selidik jika telah disiapkan.
- 3.6.4 Selesai penyelia semak dan telah dapat kelulusan daripada penyelia. Selepas itu, penulis akan memberikan kepada Pihak yang terlibat dalam Jabatan Tanah dan Ukur Sabah untuk menyemak sekali lagi borang soal selidik tersebut.
- 3.6.5 Setelah borang soal selidik tersebut lulus, penulis boleh menghantar borang soal selidik tersebut kepada responden secara sendiri tetapi mesti ada surat keizinan dari Jabatan Tanah dan Ukur Sabah terlebih dahulu.
- 3.6.6 Sebelum menghantar borang soal selidik kepada responden penulis perlu meminta keizinan daripada Ketua Kampung terlebih dahulu untuk melaksanakan di mana kajian tersebut dijalankan.
- 3.6.7 Jika lulus, penulis boleh menjalankan kajian tersebut.

3.7 Kebolehpercayaan Soal Selidik

Beberapa set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden boleh digunakan untuk menilai kebolehpercayaan soal selidik tersebut dengan melalui cara *Alpha Cronbach* yang berada di antara julat 0.6 – 1.1 adalah nilai yang dipercayai dan item kajian diterima dan instrumen serta item – item pernyataan tidak perlu ditukar (Mohd. Salleh dan Zaidatun, 2001).

Jadual 3.5 : Nilai *Alpha Cronbach* bagi item dalam kajian rintis (Sumber : A. Bunawan, 2007)

JULAT (Positif/Negatif)	KEKUATAN
0.0 – 0.2	Sangat Lemah
0.3 – 0.4	Lemah, Rendah
0.5 – 0.7	Sederhana
0.8 – 0.9	Tinggi, Kuat
1.0 – 1.1	Sangat Kuat, Sangat Tinggi

Jadual 3.5 di atas menunjukkan nilai – nilai bagi pekali *Alpha Cronbach* yang mesti dipatuhi (N.Mohd, 1999). Didalam kajian ini, kebolehpercayaan item – item soal selidik ditentukan dengan menggunakan ujian *statistic Alpha Cronbach*. Ujian statistik *Alpha Cronbach* boleh ditentukan dengan menggunakan perisian ‘*Statistical Package for the Social Science*’ (SPSS).

3.8 Analisis Data

Untuk kajian ini, pemrosesan data untuk menganalisis kajian adalah melibatkan pengumpulan, pengolahan, penganalisan, penyampaian dan pengeluaran data ke dalam komputer. Dalam pemrosesan data penulis menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis soal selidik kajian yang telah dibuat. Perisian SPSS adalah salah satu perisian yang sangat baik, mudah dan cepat dalam memperolehi data perbandingan, analisis dan interpretasi melalui borang soal selidik tersebut. Dalam pada itu, kajian ini akan mempersembahkan data dalam nilai min, median, mod, Sum, frekuensi, peratus (%) dan lain – lain.

Bagi mencari nilai peratusan ia akan bergantung kepada jumlah peratus bersetuju dan jumlah peratus yang tidak setuju untuk semua item soalan (Best dan Khan, 1998). Pengkelasan peratusan adalah terbahagi kepada 3 bahagian iaitu rendah, sederhana dan tinggi manakala nilai peratus 0 – 49.9 adalah yang terendah, 50 – 74.9 sederhana dan yang tertinggi adalah 75 – 100.

Jadual 3.6 : Tahap penilaian peratusan (M. Konting, 1998)

Tahap Penilaian	Peratus (%)
Rendah	0 – 49.9
Sederhana	50 – 74.9
Tinggi	75 - 100

Jadual 3.6 di atas adalah merujuk kepada perbezaan nilai peratusan yang boleh dirujuk ketika membuat analisis statistik terhadap peratusan data kajian nanti.

3.9 Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini, penulis telah menerangkan bagaimana prosedur kajian dijalankan dari awal sehingga akhir di mana melalui bab ini, gambaran nyata terhadap kajian dapat digunakan untuk mengetahui keberkesanan Pemberimilikan Geran Komunal terhadap pemilik di Sabah khususnya walaupun penulis hanya mengutamakan kepada 3 daerah sahaja tetapi data tersebut sudah cukup untuk membuat analisa mengenai kajian ini untuk mencapai objektif kajian. Data – data daripada borang soal selidik setiap pemilik tanah akan dipersembahkan dalam bab 4 nanti.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan akan dijalankan untuk keputusan dan analisis kajian dengan lebih mendalam mengenai penerimaan Geran Komunal oleh penduduk di Sabah yang hanya tertumpu kepada 3 daerah iaitu Keningau, Pensiangan dan Kota Belud. Melalui kerja – kerja pengumpulan data yang telah dijalankan penulis akan dapat menganalisis serta memperolehi keputusan untuk kajian seperti daerah mana yang menerima pelaksanaan Geran Komunal, faktor Geran Komunal ditentang, adakah penduduk bersetuju sebagai peserta dalam Geran Komunal dan bangsa ataupun kaum yang tidak dapat menerima Geran Komunal dan lain – lain lagi. Walau bagaimanapun, analisis dan keputusan hanya dijalankan untuk 3 daerah sahaja bukan untuk kesemua daerah di Sabah. Sehubungan itu, melalui soal selidik yang telah diberikan kepada penduduk, keputusan dan analisis kajian yang diperolehi melalui perisian SPSS dalam menjalankan kajian manakala validasi adalah untuk menyakinkan lagi keberkesanan kajian tersebut. Sehubungan itu, penulis akan membincangkan keputusan dan analisis kajian yang akan diperolehi untuk kajian cadangan penambahbaikan geran komunal kepada penduduk melalui Frekuensi, deskriptif statistik, *Chi Square Test* dan *Alpha Cronbach* yang ditunjukkan dalam graf, carta pai dan histogram.

4.2 Latar Belakang Responden

Berdasarkan Jadual 4.1, menunjukkan statistik latar belakang responden dan maklum balas responden hasil daripada dapatan soal selidik kajian yang terdiri daripada jantina, firma, kaum, daerah, pekerjaan dan pendidikan. Merujuk kepada Jadual 4.1, pegesahan dan penerimaan latar belakang seperti jantina, firma, kaum, daerah, pekerjaan dan pendidikan adalah mewakili 90 pembolehubah yang bergerak balas bermaksud setiap responden telah mengesahkan 90 pembolehubah tanpa ada kehilangan data contoh seperti jantina *valid* 90 pembolehubah manakala missing 0 bermaksud kesemua pembolehubah telah dihitung tanpa ada *missing variable*. Oleh itu, jika dilihat kepada Jadual 4.1 statistik latar belakang responden kesemuanya tiada yang *missing Variable*.

Jadual 4.1 : Statistik Taburan Latar Belakang Responden

<i>Statistics</i>							
		Jantina	Firma	Kaum	Daerah	Kerja	Pendidikan
N	<i>Valid</i>	90	90	90	90	90	90
	<i>Missing</i>	0	0	0	0	0	0
<i>Mode</i>		1	4	2	1.00 ^a	2	4
<p>N = Pembolehubah <i>Mode</i> = Kekejapan <i>Valid</i> = Disahkan <i>Missing</i> = Hilang</p>							

Jadual 4.1 di atas adalah merujuk kepada statistik latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, firma, kaum, daerah, pekerjaan dan pendidikan.


4.2.1 Jantina

Dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada lelaki dan perempuan. Merujuk pada Jadual 4.2 di bawah bilangan frekuensi yang terbanyak adalah lelaki iaitu 56F mewakili 62.2% oleh itu, jika merujuk pada Jadual 4.1 kekerapan bagi jantina adalah nombor 1, iaitu lelaki kerana mewakili kekerapan pembolehubah yang paling banyak terlibat dalam mengisi borang soal selidik kajian manakala untuk golongan wanita adalah sebanyak 34F yang mewakili 37.8%.

Jadual 4.2 : Peratusan perbezaan Jantina

Jantina					
		<i>Frequency</i> (F)	<i>Percent</i> (%)	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	1.Lelaki	56	62.2	62.2	62.2
	2.Perempuan	34	37.8	37.8	100.0
	<i>Total</i>	90	100.0	100.0	

Jantina



Rajah 4.1 : Perbezaan peratusan jantina di antara lelaki dan perempuan

Jadual 4.2 adalah merujuk kepada statistik jantina dalam menjalankan kajian yang dijalankan manakala Rajah 4.1 adalah mewakili perbezaan peratus jantina di antara lelaki dan perempuan.

4.2.2 Firma

Firma adalah mewakili pemilik tanah tersebut. Dalam kajian ini, bilangan responden pemilik tanah yang terlibat mengisi borang soal selidik adalah sebanyak 90 orang. Rujuk Jadual 4.3 untuk memahami dengan lebih lanjut.

Jadual 4.3 : Jenis Firma

Firma					
		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	Pemilik Tanah	90	100.0	100.0	100.0


Jadual 4.3 adalah merujuk kepada bilangan pemilik tanah yang telah mengisi borang soal selidik kajian.

4.2.3 Kaum

Dalam kajian ini, bangsa yang terlibat dalam melaksanakan borang soal selidik adalah terdiri daripada suku kaum iranun, bajau, dusun, kadazan, dan murut. Merujuk kepada Jadual 4.4 bangsa yang paling tertinggi adalah dusun iaitu 32F yang mewakili 35.6% dan di ikuti oleh murut, iranun, bajau dan yang terendah adalah kadazan iaitu 2F yang mewakili 2.2%. Nilai kekerapan pembolehubah adalah nombor 2 iaitu dusun.

Jadual 4.4 : Perbezaan bilangan kaum yang terlibat

Kaum					
		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	1.Iranun	24	26.7	26.7	26.7
	2.Dusun	32	35.6	35.6	62.2
	3.Kadazan	2	2.2	2.2	64.4
	4.Bajau	6	6.7	6.7	71.1
	5.Murut	26	28.9	28.9	100.0
	<i>Total</i>	90	100.0	100.0	

**Rajah 4.2 :** Perbezaan bilangan kaum yang terlibat

Jadual 4.4 adalah perbezaan bilangan kaum yang terlibat dalam kajian yang melibatkan penilaian terhadap keberkesanan pemberimilikan Geran Komunal terhadap penduduk tempatan manakala Rajah 4.2 menunjukkan perbezaan peratus bilangan kaum yang terlibat daripada 3 bahagian daerah di Sabah.

4.2.4 Daerah

Dalam kajian ini, daerah yang terlibat adalah terdiri daripada 3 daerah iaitu Pensiangan, Keningau dan Kota Belud di mana setiap daerah adalah masing - masing mewakili 30 responden dan telah melaksanakan borang soal selidik kajian. Oleh itu, secara keseluruhan bilangan penduduk yang terlibat adalah sebanyak 90 orang dan setiap daerah mempunyai nilai peratus yang sama iaitu 33.3%.

Jadual 4.5 : Bilangan responden

Daerah					
		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	Pensiangan	30	33.3	33.3	33.3
	Keningau	30	33.3	33.3	66.7
	Kota Belud	30	33.3	33.3	100.0
	<i>Total</i>	90	100.0	100.0	


Jadual 4.5 adalah bilangan responden yang terlibat dalam menjalankan soal selidik yang mewakili 3 daerah di Sabah.

4.2.5 Pekerjaan

Untuk pekerjaan, penulis sebenarnya lebih menekankan kepada pekebun dan peniaga sahaja tetapi secara tidak langsung pekerjaan responden ada yang terdiri daripada sector NGO (*Non – Governmental Organization*), Agensi Kerajaan dan lain – lain. Pekerjaan pekebun adalah yang paling tertinggi iaitu 52F yang mewakili 57.8% di ikuti oleh peniaga iaitu 15F mewakili 16.7%, Lain – lain, Agensi Kerajaan dan yang terakhir adalah NGO. Pekebun adalah nilai kekerapan pembolehubah untuk pekerjaan lihat Jadual 4.6 untuk memahami dengan lebih lanjut.

Jadual 4.6 : Jenis Pekerjaan

Kerja					
		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	1.Peniaga	15	16.7	16.7	16.7
	2.Pekebun	52	57.8	57.8	74.4
	3.Agensi Kerajaan	9	10.0	10.0	84.4
	4.NGO	3	3.3	3.3	87.8
	5.Lain-lain	11	12.2	12.2	100.0
	<i>Total</i>	90	100.0	100.0	

**Rajah 4.3 : Perbezaan peratusan jenis – jenis pekerjaan responden yang terlibat**

Jadual 4.6 adalah jenis – jenis pekerjaan responden yang mewakili 3 daerah di Sabah dan Rajah 4.3 adalah mewakili perbezaan peratusan jenis pekerjaan setiap responden yang terlibat dalam kajian ini.


4.2.6 Pendidikan

Dalam kajian ini, senarai responden yang mewakili pendidikan adalah terdiri daripada tidak bersekolah, SPM, SRP dan IPT. SRP adalah yang paling tertinggi iaitu

37F yang mewakili 41.1% dan di ikuti oleh responden yang tidak bersekolah, IPT dan yang terakhir adalah SPM iaitu 13F yang mewakili 14.4%. Nilai kekerapan pembolehubah ialah nombor 4 iaitu SRP kerana mempunyai nilai kekerapan yang tertinggi.

Jadual 4.7 : Pendidikan responden

Pendidikan					
		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	1.Tidak Sekolah	26	28.9	28.9	28.9
	2.Spm	13	14.4	14.4	43.3
	3.IPT	14	15.6	15.6	58.9
	4.SRP	37	41.1	41.1	100.0
	Total	90	100.0	100.0	
<i>Legend</i>		SPM = Sijil Pelajaran Malaysia IPT = Institut Pengajian Tinggi SRP = Sijil Rendah Pelajaran			



Rajah 4.4 : Perbezaan nilai Peratusan yang mewakili pendidikan responden

Jadual 4.7 adalah mewakili pendidikan responden yang terlibat dalam kajian manakala Rajah 4.4 adalah merujuk kepada perbezaan nilai peratusan pendidikan responden.


4.2.7 Agensi Responden Berurusan

Menyiasat agensi mana yang berurusan dengan responden adalah sangat penting bagi penulis untuk mengkaji sejauh mana tanggungjawab dan amanah responden untuk memohon tanah hakmilik komunal di tempat mereka. Selain itu, penulis juga ingin melihat agensi mana yang sering berurusan dengan responden.

Jadual 4.8 : Agensi Responden berurusan

Agensi Berurusan					
<i>Count</i>					
		Agensi Berurusan			<i>Total</i>
		JTU	SUHAKAM	Semua di atas	
Jantina	Lelaki	50	2	4	56
	Perempuan	31	0	3	34
Total		81	2	7	90

Jika merujuk kepada Jadual 4.8 di atas, di dapati bahawa agensi dari JTU (Jabatan Tanah dan Ukur) adalah yang paling banyak terlibat dengan urusan permohonan tanah Komunal oleh responden dan di ikuti oleh SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia) serta seperti semua di atas yang mewakili jawapan responden kepada semua agensi responden berurusan seperti JTU, SUHAKAM, Mahkamah dan Polis.



Rajah 4.5 : Agensi Responden berurusan

4.3 Persoalan Kajian

Dalam perbincangan ini, persoalan kajian lebih tertumpu kepada bahagian B sehingga kepada bahagian F tetapi tidak kesemua bahagian akan dianalisis dalam kajian ini. Walau bagaimanapun penulis akan membahas tentang persoalan yang berkaitan sahaja seperti daerah mana yang terima Geran Komunal, bangsa mana yang terima Komunal, kefahaman responden terhadap Geran Komunal, taraf pendidikan dan sebagainya. Sehubungan itu, kajian ini tidak akan membahas satu persatu setiap bahagian – bahagian tersebut untuk di analisis malahan hanya maklumat yang penting sahaja diperlukan oleh penulis dalam kajian ini untuk penganalisisan bagi mencapai objektif kajian.

4.3.1 Daerah yang Menerima Geran Komunal

Merujuk Jadual 4.9 di bawah pelaksanaan Geran Komunal di antara 3 daerah ditunjukkan dalam jadual persilangan. Jumlah nilai sebanyak 30 yang mewakili daerah pensiangan, dimana responden yang bersetuju iaitu “Ya” adalah sebanyak 20 yang mewakili 66.7% manakala yang mengatakan “Tidak” adalah sebanyak 10 ataupun 33.3% dan yang terakhir sekali “Tidak Tahu” iaitu 0. Sehubungan itu, untuk

daerah yang seterusnya boleh merujuk dalam jadual di bawah kerana cara interpretasi bagi daerah Keningau dan Kota Belud adalah sama dengan Pensiangan. Dalam menjalankan kajian analisis *Chi - Square Test* kebiasaannya akan dilihat pada *Expected Count*. Untuk nilai nilai signifikan yang kurang daripada 5 ataupun < 5 akan mewakili "*Fisher Exact Test*" manakala untuk > 5 adalah mewakili *Chi - Square Test*. Jika di lihat pada *Expected Count* bagi daerah Pensiangan yang mewakili "Tidak Tahu" adalah 1.3, "Tidak" 11.3 dan "Ya" adalah 17.3, nilai yang kurang daripada 5 adalah "Tidak Tahu" iaitu 1.3 oleh itu, nilai 1.3 akan mewakili *Fisher Exact Test* dan bagi nilai besar daripada 5 adalah mewakili "Tidak" dan "Ya" iaitu masing – mempunyai nilai seperti 11.3 dan 17.3 akan mewakili *Chi - Square Test*.

Jadual 4.9 : Persetujuan Pelaksanaan Geran Komunal bagi 3 Daerah di Sabah

Perlaksanaan Geran Komunal						
			Perlaksanaan Geran Komunal			Total
			Tidak Tahu	Tidak	Ya	
Daerah	Pensiangan	Count	0	10	20	30
		Expected Count	1.3	11.3	17.3	30.0
		% within Daerah	0.0%	33.3%	66.7%	100.0%
	Keningau	Count	0	0	30	30
		Expected Count	1.3	11.3	17.3	30.0
		% within Daerah	0.0%	0.0%	100.0%	100.0%
	Kota Belud	Count	4	24	2	30
		Expected Count	1.3	11.3	17.3	30.0
		% within Daerah	13.3%	80.0%	6.7%	100.0%
Total		Count	4	34	52	90
		Expected Count	4.0	34.0	52.0	90.0
		% within Daerah	4.4%	37.8%	57.8%	100.0%

Jika merujuk dalam Jadual 4.9, responden dari Keningau adalah daerah yang terbanyak menerima perlaksanaan Geran Komunal jika di bandingkan dengan Pensiangan dan Kota Belud manakala jika dilihat pada responden yang tidak bersetuju adalah dari Kota belud iaitu sebanyak 24 responden yang mengatakan tidak terhadap perlaksanaan Geran Komunal


Jadual 4.10 : Chi – Square Test

<i>Chi-Square Tests</i>			
	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
<i>Pearson Chi-Square</i>	56.878 ^a	4	.000
<i>Likelihood Ratio</i>	72.300	4	.000
<i>Linear-by-Linear Association</i>	23.616	1	.000
<i>N of Valid Cases</i>	90		
<i>a. 3 cells (33.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 1.33.</i>			

Merujuk kepada Jadual 4.10 di atas hubungan di antara pelaksanaan Geran Komunal dan Daerah dapat ditentukan pada Pelaksanaan Geran Komunal lebih cenderung daripada daerah. Hasil ujian *Chi – Square Test* yang diperolehi bahawa ada hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Geran Komunal dan Daerah ($P = 0.000$) atau untuk bukti yang lebih kuat menolak hipotesis H_0 dari penelitian (tidak ada hubungan antara Pelaksanaan dengan Daerah) ($\alpha = 0.05$)

4.3.2 Kaum yang Menerima Geran Komunal

Jika merujuk Rajah 4.6 bangsa yang banyak menerima pelaksanaan Geran Komunal adalah bangsa daripada Dusun adalah seramai > 30 yang mengatakan “Ya” terhadap pelaksanaan Geran Komunal dan di sertai oleh Murut manakala yang menolak “Tidak” adalah terdiri daripada bangsa Iranun iaitu 20 orang. Kesimpulannya, responden yang bersetuju “Ya” adalah lebih banyak jika di bandingkan dengan “Tidak” kerana jika di lihat pada rajah di bawah anda akan dapat membandingkan sejauh mana pelaksanaan Geran Komunal oleh pihak kerajaan boleh diterima oleh responden di Sabah walaupun melalui pelbagai bangsa terlibat mengisi borang soal selidik tersebut. Oleh itu, melalui penyelidikan ini penulis mendapati Pelaksanaan Geran Komunal adalah sesuai untuk dilaksanakan di Sabah.



Rajah 4.6 : Persetujuan Pelaksanaan Geran Komunal mengikut bangsa

Rajah 4.6 adalah mewakili 5 bangsa di Sabah yang dapat menerima pelaksanaan Geran Komunal sehinggalah kepada yang tidak dapat menerima.

4.3.3 Taraf Pendidikan Responden yang menerima Geran Komunal

Aspek pendidikan adalah sangat penting untuk mengetahui sejauh mana responden menerima dan memahami mengenai pelaksanaan Geran Komunal. Orang yang berpendidikan tidak sama cara pemikiran dengan orang yang tidak berpendidikan dari segi ilmu pengetahuan, disiplin, tanggungjawab dan sebagainya. Oleh itu, Jadual 4.11 adalah merujuk kepada beberapa bahagian pendidikan yang terdiri daripada tidak bersekolah, SPM, IPT dan SRP. Jika dilihat pada responden yang tidak bersekolah, jumlah keseluruhan adalah sebanyak 26 orang di mana seramai 16 orang yang “Ya”, 9 orang “Tidak” dan “Tidak Tahu” adalah 1 orang. Sehubungan itu, untuk pendidikan

yang seterusnya boleh merujuk dalam Jadual 4.11 di bawah kerana cara interpretasi bagi SPM, IPT dan SRP adalah sama dengan Tidak Sekolah.

Jadual 4.11 : Pendidikan Responden

Pendidikan						
			Perlaksanaan Geran Komunal			<i>Total</i>
			Tidak Tahu	Tidak	Ya	
Pendidikan	Tidak Sekolah	<i>Count</i>	1	9	16	26
		<i>Expected Count</i>	1.2	9.8	15.0	26.0
		% within Perlaksanaan Geran Komunal	25.0%	26.5%	30.8%	28.9%
		% of Total	1.1%	10.0%	17.8%	28.9%
	Spm	<i>Count</i>	0	9	4	13
		<i>Expected Count</i>	.6	4.9	7.5	13.0
		% within Perlaksanaan Geran Komunal	0.0%	26.5%	7.7%	14.4%
		% of Total	0.0%	10.0%	4.4%	14.4%
	IPT	<i>Count</i>	1	5	8	14
		<i>Expected Count</i>	.6	5.3	8.1	14.0
		% within Perlaksanaan Geran Komunal	25.0%	14.7%	15.4%	15.6%
		% of Total	1.1%	5.6%	8.9%	15.6%
	SRP	<i>Count</i>	2	11	24	37
		<i>Expected Count</i>	1.6	14.0	21.4	37.0
		% within Perlaksanaan Geran Komunal	50.0%	32.4%	46.2%	41.1%
		% of Total	2.2%	12.2%	26.7%	41.1%
<i>Total</i>		<i>Count</i>	4	34	52	90
		<i>Expected Count</i>	4.0	34.0	52.0	90.0
		% within Perlaksanaan Geran Komunal	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
		% of Total	4.4%	37.8%	57.8%	100.0%

Jadual 4.12 di atas adalah merujuk kepada penerimaan Geran Komunal oleh responden berdasarkan pelbagai pendidikan.

Jadual 4.12 : Chi – Square Test

<i>Chi-Square Tests</i>			
	<i>Value</i>	<i>df</i>	<i>Asymptotic Significance (2-sided)</i>
<i>Pearson Chi-Square</i>	7.056 ^a	6	.316
<i>Likelihood Ratio</i>	7.294	6	.295
<i>Linear-by-Linear Association</i>	.173	1	.677
<i>N of Valid Cases</i>	90		
<i>a. 5 cells (41.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .58.</i>			

Daripada hasil kajian, nilai signifikan yang diperolehi adalah $0.316 > 0.050$ bermaksud H_0 di terima dan kesimpulannya adalah tidak terdapat hubungan antara jenis pendidikan dengan pelaksanaan Geran Komunal.

Hipotesis


H_0 : Tidak terdapat hubungan di antara pendidikan dengan pelaksanaan Geran Komunal

H_a : Terdapat hubungan di antara pendidikan dan pelaksanaan Geran Komunal

Kriteria Pengujian

H_0 : Diterima apabila nilai signifikan > 0.05

H_0 : Ditolak bila nilai signifikan < 0.05



Rajah 4.7 : Pendidikan Responden yang menerima Geran Komunal


Merujuk kepada Rajah 4.7 di atas responden yang berpendidikan SRP adalah yang paling banyak mengatakan “Ya” terhadap pelaksanaan Geran Komunal manakala di ikuti oleh responden yang tidak bersekolah, IPT dan SPM. Untuk responden yang tidak dapat menerima Geran Komunal “Tidak” adalah terdiri daripada responden berpendidikan SRP yang paling tertinggi dan di ikuti oleh tidak bersekolah, SPM dan IPT. Secara kesimpulannya, dapat dilihat bahawa pemilik tanah kebanyakannya terdiri daripada pendidikan SRP dan tidak bersekolah, di sini penulis dapat membuat analisis bahawa responden yang telah disoal selidik adalah keseluruhannya terdiri daripada golongan yang berumur ataupun lahir dalam 70 - an ke bawah. Selain itu, jika dilihat pada kajian ini kebanyakan responden yang terlibat adalah terdiri daripada golongan bawahan serta golongan yang kurang berpendidikan.

4.3.4 Pemahaman Responden mengenai Geran Komunal Mengikut jenis Jantina

Dalam kajian ini, jantina responden adalah terdiri daripada lelaki dan perempuan. Merujuk kepada Jadual 4.13 di bawah terdapat jadual persilangan yang mengandungi pembolehubah jantina lelaki dan perempuan serta pemahaman Geran Komunal. Jumlah lelaki yang memahami mengenai Geran Komunal adalah sebanyak 33 orang dan tidak memahami adalah sebanyak 23 orang manakala bagi perempuan, tidak memahami adalah lebih banyak jika di bandingkan dengan yang memahami kerana merujuk kepada jadual di bawah kita dapat pastikan bahawa 18 orang perempuan yang tidak faham dan 16 orang yang faham.

Jadual 4.13 : Pemahaman Geran Komunal berdasarkan Jantina

Jantina * Pemahaman mengenai Geran Komunal					
			Pemahaman mengenai Geran Komunal		<i>Total</i>
			Ya	Tidak	
Jantina	Lelaki	<i>Count</i>	33	23	56
		<i>Expected Count</i>	30.5	25.5	56.0
		% <i>within</i> Pemahaman mengenai Geran Komunal	67.3%	56.1%	62.2%
		% <i>of Total</i>	36.7%	25.6%	62.2%
	Perempuan	<i>Count</i>	16	18	34
		<i>Expected Count</i>	18.5	15.5	34.0
		% <i>within</i> Pemahaman mengenai Geran Komunal	32.7%	43.9%	37.8%
		% <i>of Total</i>	17.8%	20.0%	37.8%
<i>Total</i>		<i>Count</i>	49	41	90
		<i>Expected Count</i>	49.0	41.0	90.0
		% <i>within</i> Pemahaman mengenai Geran Komunal	100.0%	100.0%	100.0 %
		% <i>of Total</i>	54.4%	45.6%	100.0 %



Rajah 4.8 : Pemahaman Geran Komunal mengikut Jantina

Jadual 4.13 dan rajah 4.8 adalah merujuk kepada bilangan perbezaan jantina lelaki dan perempuan yang memahami Geran Komunal. Jumlah lelaki yang tidak memahami dan memahami Geran Komunal adalah lebih banyak jika di bandingkan dengan wanita kerana mungkin lelaki lebih banyak terlibat dalam mengisi borang soal selidik kajian.

Jadual 4.14 : Chi Square Test

Chi-Square Tests					
	<i>Value</i>	<i>df</i>	<i>Asymptotic Significance (2-sided)</i>	<i>Exact Sig. (2-sided)</i>	<i>Exact Sig. (1-sided)</i>
<i>Pearson Chi-Square</i>	1.202 ^a	1	.273		
<i>Continuity Correction^b</i>	.771	1	.380		
<i>Likelihood Ratio</i>	1.201	1	.273		
<i>Fisher's Exact Test</i>				.286	.190
<i>Linear-by-Linear Association</i>	1.188	1	.276		
<i>N of Valid Cases</i>	90				
<i>a. 0 cells (0.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 15.49.</i>					

Hipotesis

Ho : Tidak terdapat hubungan antara jenis jantina dengan pemahaman mengenai Geran Komunal

Ha : Terdapat hubungan antara jenis jantina dengan pemahaman Geran Komunal

Kriteria Pengujian

Ho : Diterima bila nilai signifikan > 0.05

Ho : Ditolak bila nilai signifikan < 0.05

Jika dilihat daripada hipotesis dan kriteria pengujian di Jadual 4.14, nilai signifikan yang diperolehi adalah $0.273 > 0.050$ bermaksud Ho di terima dan kesimpulannya adalah tidak terdapat hubungan antara jenis jantina dengan pemahaman mengenai Geran Komunal.

4.3.5 Faktor Penentangan Geran Komunal

Untuk mengetahui faktor utama Geran Komunal ditentang adalah sangat penting di dalam kajian ini kerana melalui keputusan yang diperolehi, penulis akan dapat memberi cadangan penambahbaikan Geran Komunal melalui faktor ini. Merujuk kepada Jadual 4.15, beberapa faktor penentangan dan jenis jantina. Faktor penentangan tertinggi yang melibatkan lelaki dan perempuan adalah “tiada hak milik tanah secara individu” iaitu sebanyak 30 orang. Selepas itu, kedua tertinggi adalah “semua di atas” bermaksud penentangan di tujukan kepada semua persoalan – persoalan kajian dan di ikuti oleh “tidak menentang”, “sebagai peserta”, “tidak boleh dicagar” dan yang terakhir adalah “tidak memahami Geran Komunal”.

Jadual 4. 15 : Faktor utama Geran Komunal di tentang

Faktor Utama Penentangan GK * Jantina						
			Jantina		<i>Total</i>	
			Lelaki	Perempuan		
Faktor Utama Penentangan Geran Komunal (GK)	Tidak Memahami GK	<i>Expected Count</i>	.6	.4	1.0	
		% <i>within</i> Jantina	1.8%	0.0%	1.1%	
	Tiada Hak Milik Tanah Adat individu	<i>Expected Count</i>	20.5	12.5	33.0	
		% <i>within</i> Jantina	35.7%	38.2%	36.7%	
	Tidak Boleh Dicagar	<i>Expected Count</i>	3.7	2.3	6.0	
		% <i>within</i> Jantina	5.4%	8.8%	6.7%	
	Sebagai Peserta	<i>Expected Count</i>	3.7	2.3	6.0	
		% <i>within</i> Jantina	5.4%	8.8%	6.7%	
	Semua diatas	<i>Expected Count</i>	16.2	9.8	26.0	
		% <i>within</i> Jantina	26.8%	32.4%	28.9%	
	Tidak Menentang	<i>Expected Count</i>	11.2	6.8	18.0	
		% <i>within</i> Jantina	25.0%	11.8%	20.0%	
	<i>Total</i>		<i>Expected Count</i>	56.0	34.0	90.0
			% <i>within</i> Jantina	100.0%	100.0%	100.0%

Merujuk kepada Jadual 4.15 di atas, maklumat yang diperolehi boleh membantu penulis dalam memberikan cadangan untuk penambahbaikan Geran Komunal dan dapat mengetahui jenis – jenis penentangan oleh responden.

Jadual 4.16 : Chi Square Test

<i>Chi-Square Tests</i>			
	<i>Value</i>	<i>df</i>	<i>Asymptotic Significance (2-sided)</i>
<i>Pearson Chi-Square</i>	3.486 ^a	5	.625
<i>Likelihood Ratio</i>	3.952	5	.556
<i>Linear-by-Linear Association</i>	.448	1	.503
<i>N of Valid Cases</i>	90		
<i>a. 6 cells (50.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .38.</i>			

Hipotesis

Ho : Tidak terdapat hubungan antara jenis jantina dengan faktor utama penentangan


Ha : Terdapat hubungan antara jenis jantina dengan faktor utama penentangan

